

## ABSTRAK

Wujud kekeliruan dalam memahami peranan dan tanggungjawab wakil rakyat yang lebih dikenali sebagai Yang Berhormat (YB). Hal ini berkait dengan aspek teori dan praktis. Ada pihak yang melihatnya dalam konteks realiti. Ada pula yang menilainya dari sudut persepsi. Realitinya, peranan dan tanggungjawab wakil rakyat—dari segi teori—sebagai ahli perundangan di Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN) yang berfungsi untuk membahas, mengkritik, menyokong dan meluluskan undang-undang dan dasar negara. Dari persepsi rakyat ia mungkin berbeza—dari segi praktis—berbanding teori. Rakyat sentiasa berharap wakil rakyat dapat memberikan perkhidmatan dan bantuan kepada masyarakat tanpa mengira masa dan keadaan. Jadi, rakyat sentiasa berharap wakil rakyat dapat menyelesaikan setiap masalah yang mereka dihadapi. Dalam pada itu, pelbagai masalah seperti konflik dalam parti, persaingan merebut jawatan, amalan politik wang, ahli bertindak keluar parti, kekurangan dana dan kewangan parti, gejala sosial dan jenayah serta peningkatan sokongan terhadap parti lawan. Inilah antara isu dan cabaran yang terpaksa dihadapi oleh wakil rakyat, di mana peranan dan tanggungjawab adalah sangat besar yang boleh bersifat rasmi dan tidak rasmi. Dengan kata lain, peranan wakil rakyat bukan sekadar sebagai ahli perwakilan (*representative*), tetapi juga merupakan ahli politik (*politician*), pemimpin (*leader*), pengurus (*manager*) dan pentadbir (*administrator*). Dengan mandat dan amanah yang diberikan oleh rakyat, ia merupakan suatu cabaran dalam kalangan wakil rakyat untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik, berkesan dan cekap yang boleh diklasifikasikan kepada peranan sebagai perwakilan di Parlimen (*parliamentary roles*), peranan terhadap pengundi (*constituency roles*) dan peranan dalam khidmat masyarakat (*social roles/services*).